



Sesi beramah mesra bersama penduduk setempat.

UPM kenali budaya, seni bina India

Oleh Hanafi Rashid
bhvarsiti@bh.com.my

✦ Tamil Nadu

Dalam mencapai tahap kebolehpasaran graduan, mahasiswa disarankan untuk peka terhadap perkembangan semasa dalam dan luar negara bagi memastikan pemikiran yang seiring dengan perkembangan dunia tanpa sempadan.

Sehubungan itu, seramai 16 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai Program Kembara Seni India, baru-baru ini bertujuan untuk menerokai seni reka bentuk dan budaya di negara Bollywood itu.

Program yang disertai oleh pelajar Kolej Sepuluh itu turut menjalinkan hubungan pendidikan dengan Kolej Kejuruteraan Kerajaan Universiti Bharathidasan dan Kolej Cochin.

Pegawai pengiring UPM, Ahmad Qadry Basri, berkata kunjungan delegasi UPM di universiti berkenaan mendapat sambutan meriah kerana itu adalah kali pertama mereka menerima lawatan daripada mahasiswa Malaysia.

"Keakraban pelajar UPM dengan universiti di India terbabit bukan sahaja


**Fakta
nombor**

**Program
Kembara
Seni India**

16 PELAJAR
terlibat

14 HARI
program dijalankan

3,000 TAHUN
usia seni bina Kuil
Brihadeeswara



Delegasi UPM yang mengadakan lawatan ke India baru-baru ini.

diperkukuhkan dari segi akademik, malah dipereratkan dengan aktiviti sukan iaitu perlawanan bola sepak persahabatan," katanya.

Program 14 hari yang disertai pelajar kejuruteraan dan reka bentuk perindustrian itu berlangsung di dua negeri iaitu Tamil Nadu dan Kerala di mana tujuh daerah yang berbeza dilawati antaranya Chennai, Thanjavur, Trichy, Madurai, Kodaikanal, Munnar dan berakhir di Kochi.

Pelbagai aktiviti diadakan termasuklah menyambut pesta Pongal bersama

penduduk Kampung Sengipatti, Thanjavur, menonton persembahan bertajuk 'Daksha Yaga' di Pusat Katahalkali yang mengisahkan mengenai sejarah India dan lawatan ke kuil di India untuk melihat kemegahan seni bina di negara itu.

Beri khidmat sosial

Sementara itu, Pengarah Program, Ravendran Krishnan, berkata lawatan itu memberikan pengalaman manis terutama sekali apabila mereka dihidangkan dengan nasi pongal yang menjadi makanan

tradisional di India.

Peserta program, Danial Hakim Mohammad Suhaimi, berkata beliau kagum dengan seni bina Kuil Brihadeeswara yang dibina 3,000 tahun lalu dan masih tersergam indah sehingga kini.

"India juga turut memiliki keindahan alam semula jadi seperti di Kodaikanal dan Munnar. Kehijauan bumi dengan udara yang nyaman iaitu pada suhu 16 darjah celsius menjanjikan suatu pengalaman yang menarik. Saya sangat teruja melihat kecantikan alam semula jadi di sini dan

melahirkan rasa tenang sepanjang berada di India.

"Selain keindahan seni bina di India, kami turut berpeluang memberi khidmat sosial kepada penduduk antaranya membabitkan aktiviti memberi makanan percuma kepada pengemis jalanan, membantu servis dobi dan juga mengolah halia.

"Saya gembira kerana dapat membantu masyarakat yang susah di sana dan melahirkan rasa syukur kepada Allah kerana rakyat Malaysia dapat hidup senang dan aman damai," katanya.



Pelajar mengadakan lawatan ke kuil yang terdapat di India untuk melihat keindahan seni bina yang dimiliki.

BERITA HARIAN

23/3/2017 p. V8-V9